



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

DOKUMEN SEBUT HARGA

KHAS UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA

NO. SEBUT HARGA : LPB/600/Q07/2025

TAJUK SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

Tarikh Iklan : 14 Mei 2025

Tarikh Tutup : 4 Jun 2025 Jam 12.00 Tengahari

Kod Bidang : Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera sahaja** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **222704- Pensijilan dan Pengiktirafan**.

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
(BINTULU PORT AUTHORITY)
Aras Lobi, 5, 8, 9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak Malaysia
Tel : 086-232815/ 086-232822
Faks: 086-251300

ISI KANDUNGAN



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

LPB/600/Q07/2025

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

Satu (1) set Dokumen Pelawaaan Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

Jadual 1

BIL	PERKARA			Catatan
1	Senarai Semak Penghantaran Dokumen Sebut Harga			Bahagian ini hendaklah diisi dan dilengkapi oleh Penyebut harga
2	Notis Sebut harga			Makluman & Perhatian Penyebut harga
3	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga			
4	Lampiran A	-	Skop Perkhidmatan dan Spesifikasi Teknikal	
5	Lampiran A1	-	Plan Pelaksanaan Audit Pengawasan (<i>Surveillance Audit</i>) MS ISO 37001:2016 <i>Anti-Bribery Management Systems</i> (ABMS)	
6	Lampiran A2	-	Tuntutan Kos Imbuhan Balik Yang Dibenarkan	
	Bahagian A			
1	Lampiran B	-	Borang Sebut harga (Lampiran Q)	Lampiran B,C,E,F,G dan H perlu diisi dan dilengkapi oleh Penyebut harga seperti di dalam jadual perenggan 6.0 Arahan kepada Penyebut harga
2	Lampiran C	-	Ringkasan Tawaran Harga / <i>Bill Of Quantity</i>	
3	Lampiran D	-	Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah	
4	Lampiran E	-	Keterangan Mengenai Syarikat	
5	Lampiran F	-	Surat Akuan Pembida	

BIL	PERKARA			Catatan
6	Lampiran G	-	Surat Perwakilan Kuasa	
7	Lampiran H	-	Pengalaman Syarikat	
8	Lampiran I	-	Format Bon Pelaksaaan (untuk makluman Penyebut harga	
	Bahagian B			
1	Lampiran I	-	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia	Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti perenggan 7.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut turutan lampiran I Sehingga Lampiran VIII yang telah disediakan
2	Lampiran II	-	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)	
3	Lampiran III	-	Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	
4	Lampiran IV	-	Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	
5	Lampiran V	-	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	
6	Lampiran VI	-	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (Optional)	
7	Lampiran VI	-	Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian (Optional)	
8	Lampiran VIII	-	Satu (1) set Profil Syarikat	

Nota: Penyebut harga hendaklah mengemukakan satu Set Dokumen Pelawaan Sebut harga di Jadual 1 dalam sampul Tawaran

SENARAI SEMAK PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

**SENARAI SEMAKAN
PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Tandakan (☒) - Jika dokumen disertakan di ruangan yang berkenaan dan masukkan lampiran-lampiran yang berkenaan MENGIKUT TURUTAN di dalam sampul tawaran.

Bil.	Perkara/Dokumen (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran)	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
A	Borang Sebut harga Lampiran B,C,E,F,G dan H perlu diisi dan dilengkapkan Oleh Penyebut harga seperti di dalam Jadual perenggan 5.0 Arahan kepada Penyebut harga		
1	Senarai Semakan Penghantaran Dokumen Sebut Harga	☐	☐
2	Lampiran B - Borang Sebut harga (Lampiran Q)	☐	☐
3	Lampiran C - <i>Summary Of Quotation</i>	☐	☐
4	Lampiran D - Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah (untuk makluman Penyebut harga)	Tidak berkenaan	
5	Lampiran E - Keterangan Mengenai Syarikat	☐	☐
6	Lampiran F - Surat Akuan Pembida	☐	☐
7	Lampiran G - Surat Perwakilan Kuasa	☐	☐
8	Lampiran H - Pengalaman Syarikat	☐	☐
9	Lampiran I - Format Bon Pelaksanaan (untuk makluman Penyebut harga)	Tidak berkenaan	
B	Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 7.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut Lampiran disediakan		
1	Lampiran I - Salinan Sijil Akuan Pendaftaran berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
2	Lampiran II - Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)	☐	☐
3	Lampiran III - Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	☐	☐
4	Lampiran IV - Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	☐	☐
5	Lampiran V - Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	☐	☐
6	Lampiran VI - Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (<i>Optional</i>)	☐	☐
7	Lampiran VII - Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian (<i>Optional</i>)	☐	☐
8	Lampiran VIII - Satu (1) set Profil Syarikat	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Cop Syarikat:	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada). Tandatangan Pembuka I: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan Pembuka II: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan Pembuka III: Nama: Jawatan: Tarikh:

NOTIS SEBUT HARGA



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

KHAS UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	MAKLUMAT LAWATAN TAPAK DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	KELAYAKAN
LPB/600/Q07/2025 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI- BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)	14 Mei 2025	4 Jun 2025 Jam 12.00 Tengahari	Lokasi Pendaftaran: Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bilik Kuala Semanuk Aras 1, Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007, Bintulu, Sarawak Tarkh: 19 Mei 2025 Masa: 10.00 Pagi Tn. Awang Jahmari Bin Awang Junaidi 086-232857/ 019-8856760 Tn. Ariffuddin Bin Raduan 086-232858/ 012-8466780	Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang :- 222704 : Pensijilan dan Pengiktirafan.



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

KHAS UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA

NOTIS SEBUT HARGA

2. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **14 Mei 2025** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (**LPB**) di alamat www.bpa.gov.my.
3. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.
4. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.
5. Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
6. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
 - 6.1 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan
 - 6.2 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

KHAS UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA

NOTIS SEBUT HARGA

**Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset
Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas **sebelum atau pada 4 Jun 2025 jam 12.00 tengahari.**
8. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut Harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera sahaja** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **222704- Pensijilan dan Pengiktirafan**.

3.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 3.1 Tempoh siap kerja adalah selama **dua (2) bulan** mulai daripada tarikh Arahan Mula Kerja dikeluarkan.
- 3.2 Penyebut harga adalah **diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut Harga (Lampiran Q)**. Kegagalan penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walau bagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.

4.0 TAKLIMAT SEBUT HARGA

Dalam mengemukakan Sebut harga ini, pihak kontraktor **digalakkan** untuk hadir Taklimat Sebut Harga. Tiada pertimbangan untuk kos tambahan akan dilayan daripada penyebut harga atas alasan kurang pengetahuan dan maklumat tentang sebut harga jika sebut harga diterima.

Mana-mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa (*Superintending Officer, SO*) tidak akan melepaskan penyebut harga dari tanggungjawabnya di bawah peruntukan klausa ini. SO tidak memberi apa-apa jaminan ke atas maklumat dan dokumen sama ada merujuk kepada kelengkapan atau kesahihannya ataupun secara mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan harus diterjemahkan. Penyebut harga hendaklah mengguna dan menterjemahkan maklumat dan dokumen ini atas risikonya sendiri.

Butiran berkenaan taklimat adalah seperti berikut:

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

Lokasi Pendaftaran : Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bilik Kuala Semanuk Aras 1, Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007, Bintulu, Sarawak

Tarikh : 19 Mei 2025

Masa : 10.00 Pagi

Pegawai Dihubungi 1 : Tn. Awang Jahmari Bin Awang Junaidi
No. Tel 086-232857/ 019-8856760

Pegawai Dihubungi 2 Tn. Ariffuddin Bin Raduan
No. Tel 086-232858/ 012-8466780

Kegagalan penyebut harga untuk hadir ke taklimat akan menyebabkan tawaran tidak dapat dipertimbangkan.

5.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop kerja dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

6.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokuman Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga
2	TAWARAN TEKNIKAL Lampiran A Skop Kerja & Spesifikasi Teknikal Lampiran A1 Plan Perlaksanaan Audit Pengawasan (<i>Surveillance Audit</i>) MS ISO 37001:2016 <i>Anti-Bribery Management Systems</i> (ABMS) Lampiran A2 Tuntutan Kos Imbuhan Balik Yang Dibenarkan
3	TAWARAN KEWANGAN Lampiran B Borang Sebut harga (Lampiran Q) Lampiran C Ringkasan Tawaran Harga / <i>Bill Of Quantity</i> Lampiran D Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah Lampiran E Keterangan Mengenai Syarikat Lampiran F Surat Akuan Pembida Lampiran G Surat Perwakilan Kuasa Lampiran H Pengalaman Syarikat Lampiran I Format Bon Pelaksanaan

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

7.0 SEBUT HARGA

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.

- 7.1 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
- 7.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.
- 7.3 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.
- 7.4 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan.

8.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 8.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/ pekerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.
- 8.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
 - (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertaualiah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd;
 - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini;
 - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

- (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;
- (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
- (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

9.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 9.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 6.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 8.2**.
- 9.2 Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau '*Original*' manakala satu (1) dokumen salinan dicop sebagai 'Salinan' atau '*Duplicate*'.
- 9.3 Para Penyebut harga **HANYA DIBENARKAN** menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga **DILARANG SAMA SEKALI** menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti Penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.
- 9.4 Kedua-dua salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut

**SEBUT HARGA NO.: LPB/600/Q07/2025– SEBUT HARGA BAGI
PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS
DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12 tengah hari pada hari yang dinyatakan

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

dalam iklan Sebut harga. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 9.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau telek atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 9.6 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 9.7 LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebut harga semasa menyediakan dan menghantar sebut harga.
- 9.8 Syarikat-syarikat yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://home.eperolehan.com.my> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian 03-7985 7777/ 03- 7985 7888 atau emel bantuan@eperolehan.gov.my.
- 9.9 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <http://www.bpa.gov.my>

10.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

- 10.1 Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPB dalam tempoh ini.
- 10.2 Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat keputusan sebut harga di http://www.bpa.gov.my/web/home/tender_result atau di Papan Notis Iklan LPB.

11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 11.4 Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

12.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 12.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak LPB bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 12.2 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

13.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 13.1 Harga indikatif jabatan bagi sebut harga ini adalah berjumlah **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Ribu Sahaja (RM75,000.00)**.
- 13.2 Harga Indikatif ini merupakan suatu anggaran sahaja dan jumlah tersebut tidak mengikat Lembaga Pelabuhan Bintulu atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 13.3 Pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu juga tidak menjamin bahawa Syarikat

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

akan dipilih atau boleh menyempurnakan bekalan dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

14.0 HARGA TAWARAN

- 14.1 Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B** dan **Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPB/600/Q07/2025– Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Audit Pengawasan (*Surveillance Audit*) Bagi Pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS) Serta Semakan Ke Atas Dokumen *Anti-Bribery Management System* Dan *Corruption Risk Management* (CRM).**
- 14.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan **KECUALI** atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 14.3 Borang Lampiran Q dan *Schedule Of Rates* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 14.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.
- 14.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

14.5.1 *Nett Delivered:*

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan dan Harga adalah tidak termasuk **Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (CJCP)**.

14.5.2 *Free On Board (FOB):*

Penyebut harga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

oleh LPB.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

14.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF):*

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebut harga.

14.5.4 *Ex-Work (EXW):*

Penyebut harga menjamin barangan tersebut telah berada di premis penyebut harga dan penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos.

14.5.5 *Free Carrier (FCA):*

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

14.6 CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)

14.6.1 Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka LPB akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaaan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan.

14.6.2 Penyebut harga hendaklah diberitahu bahawa pada bila- bila masa setelah berdaftar dengan JKDM, penyebut harga hendaklah memaklumkan LPB supaya Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh LPB. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPB mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa- apa bayaran daripada LPB.

14.7 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana- mana tawaran. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPB sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

15.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

LPB berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap sebut harga yang telah dibuka.

16.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum penutupan sebut harga, memaklumkan kepada LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Interpretasi atau penjelasan ke atas Dokumen sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPB seperti dijelas dalam perkara 17 di bawah.

17.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan sebut harga ditolak.

18.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

18.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

18.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi
- iii) “Sub Kontrak” tanpa persetujuan LPB
- iv) Menerima dan memberi rasuah

18.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

**19.0 HAK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG
DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-
SYARAT**

19.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

- 19.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPB;
- 19.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;
- 19.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan
- 19.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	0.1 % daripada nilai perolehan
RM20,000.00 – RM199,999.99	
RM200,000.00 ke atas	

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

bagi setiap hari kelewatan (*calendar days*).

20.0 SURAT SETUJU TERIMA

- 20.1 LPB adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 20.2 Keputusan LPB adalah muktamad. LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 20.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan LPB sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan LPB.

21.0 BON PELAKSANAAN

- 21.1 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia **sekiranya nilai perolehan melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**. Nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:-
 - 21.1.1 2.5%- Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bernilai RM200,000.00 sehingga RM500,000.00.; atau
 - 21.1.2 5.0%- Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak perkhidmatan yang bernilai RM500,000.00 atau lebih.
- 21.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank- bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
 - 21.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - 21.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

- 21.2.3 Jaminan Insuran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - 21.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - 21.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- 21.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan bon pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. LPB adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan pelaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.
- 21.4 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I** tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.

22.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikuti dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan- keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda- addenda yang dikeluarkan oleh LPB. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiap dan mengemukakan sebut harganya yang lengkap yang mengikuti sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika LPB menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

23.0 BAYARAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 23.1 Bayaran kepada penyebut harga yang berjaya hanya akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah bekalan/ perkhidmatan/ kerja ini disemak dan disahkan telah dilaksanakan dengan sempurna oleh SO yang dilantik.
- 23.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan borang Pesanan Tempatan (Local Order – LO) yang telah dilengkapi, bertandatangan, mempunyai cop syarikat dan ditarikhkan beserta inbois asal dan dokumen sokongan seperti *delivery note* kepada LPB untuk tujuan bayaran.”

24.0 IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh LPB terlebih dahulu.

25.0 DOKUMEN ADALAH SULIT

Semua Dokumen Sebut harga adalah dianggap sulit dan persendirian.

26.0 DOKUMEN TIDAK BOLEH DICACATKAN

Dokumen Sebut harga hendaklah tidak dikoyak, dokumen-dokumen diasingkan di antara satu dengan yang lain dan tiada pertambahan atau pembetulan yang tidak sah dibuat dalam Borang Sebut harga atau mana-mana bahagian Dokumen Sebut harga selain daripada mengisi ruang kosong yang perlu diisi.

27.0 BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

- 27.1 Penyebut harga adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada LPB dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi sebut harga menjurus kepada sesuatu jenama.
- 27.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada LPB dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Dokumen Sebut harga mula dikeluarkan.
- 27.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT)
BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN
CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

28.0 PEMATUHAN KEPADA KEHENDAK UNDANG-UNDANG

- 28.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua kehendak undang-undang, akta-akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa semasa mengisi dan menghantar sebut harga ini yang berkaitan dengan keselamatan (SOCISO), Perintah Gaji Minimum, Akta Imigresen dan akta lain-lain yang berkaitan.
- 28.2 Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyembunyi atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 18: Pelanggaran Syarat-Syarat Sebut Harga**.

LAMPIRAN A: SKOP PERKHIDMATAN DAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A

SKOP KERJA

1.0 LATAR BELAKANG

Sebut harga ini adalah untuk perkhidmatan audit pengawasan (*surveillance audit*) bagi pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management Systems* (ABMS) Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) serta semakan ke atas dokumen *Anti-Bribery Management System* dan *Corruption Risk Management* (CRM).

2.0 SKOP KERJA

2.1 Pelaksanaan Audit dokumentasi ISO 37001:2016 ABMS dan CRM

Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

2.1.1 Menyediakan rangka kerja (*Framework Deliverables*) penyediaan dokumentasi ABMS LPB dan CRM termasuk dan tidak terhad kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) Audit dan kemaskini dokumentasi yang sedia ada berdasarkan kepada keperluan standard ISO 37001: 2016 ABMS;
- (ii) Mengenal pasti jurang pelaksanaan sistem pengurusan untuk penambahbaikan;
- (iii) Penilaian semula risiko CRM yang terkini;
- (iv) Keperluan untuk mendapatkan maklumat daripada bahagian yang tertentu di LPB; dan
- (v) Melaksanakan audit termasuk rekod-rekod yang berkaitan untuk tujuan pelaksanaan audit dalaman.

2.2 Pelaksanaan audit dalaman, menyediakan nota audit dan menghasilkan serta membentangkan laporan audit dalaman.

Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

2.2.1 Melaksanakan audit dalaman ke atas semua Bahagian, Unit dan Seksyen yang terlibat dengan MS ISO 37001:2016;

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A

- 2.2.2 Menyediakan, menghasilkan dan membentangkan penemuan audit serta laporan audit kepada pihak pengurusan LPB; dan
- 2.2.3 Menyediakan dokumen lengkap bagi persediaan audit pengawasan pensijilan MS ISO 37001:2016.

2.3 Perlaksanaan tindakan pembetulan audit dalaman.

- 2.3.1 Mengenal pasti dan melaksanakan tindakan pembetulan dan pencegahan berdasarkan laporan audit dalaman.
- 2.3.2 Melaksanakan tindakan penambahbaikan yang dikenal pasti selapas audit dalaman.
- 2.3.3 Menyediakan dan melaksanakan program semakan pengurusan ke atas prestasi ABMS (*Management review on ABMS performances*); dan
- 2.3.4 Menyediakan perkara-perkara dan agenda untuk program semakan ke atas prestasi ABMS.

2.4 Perlaksanaan tindakan pembetulan untuk *Non Conformance* (NC).

- 2.4.1 Berurusan dengan badan pensijilan bagi melaksanakan audit pengawasan untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS daripada badan pensijilan yang diiktiraf.
- 2.4.2 Menyedia dan melaksanakan tindakan pembetulan (NC) daripada badan pensijilan.

3.0 SYARAT MENGENAI KUALITI

Membangunkan dan menyediakan dokumen sehingga mendapat pensijilan CRM, membangunkan dan menyediakan dokumen dan pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS dan selaras dengan piawaian antarabangsa dan pensijilan yang ditetapkan.

4.0 LAWATAN TAPAK

Penyebut harga adalah digalakkan untuk menghadiri lawatan tapak bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dengan skop-skop kerja yang diterangkan. Kos lawatan tapak adalah ditanggung oleh penyebut harga.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A

Lawatan tapak hanya akan diadakan dalam tempoh satu (1) hari sahaja dan mana-mana penyebut harga yang memohon untuk hadir pada hari lain selain dari hari yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5.0 JADUAL PELAKSANAAN AUDIT

Penyebut harga dikehendaki mengemukakan Jadual Pelaksanaan Audit bersama sebutharga ini. Contoh Jadual Pelaksanaan Audit seperti di **Lampiran A1**.

6.0 KOS IMBUHAN BALIK

Penyebut harga dikehendaki mengemukakan butiran serta bayaran kos imbuhan balik dengan resit/bil kepada LPB. Bagi bayaran kos imbuhan balik tanpa resit selain daripada kos imbuhan balik secara pukal (*Lump Sum*) yang dibenarkan hendaklah mendapat kebenaran dan pengesahan daripada LPB.

7.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 2.3** Harga Indikatif Jabatan bagi sebutharga ini adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Ribu Sahaja (RM75,000.00)**;
- 2.4** Harga indikatif ini merupakan satu anggaran sahaja dan jumlah tersebut tidak mengikat LPB atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit; dan
- 2.5** Pihak LPB juga tidak menjamin bahawa syarikat akan di pilih atau boleh menyempurnakan bekalan dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

8.0 TEMPOH PENYERAHAN

Tempoh siap kerja yang ditetapkan adalah selama **dua (2) bulan**, mulai dari tarikh pengeluaran Arahan Mula Kerja.

**LAMPIRAN A1: PLAN PERLAKSANAAN AUDIT PENGAWASAN
(*SURVEILLANCE AUDIT*) MS ISO 37001:2016 *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT
SYSTEMS* (ABMS)**

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A1

PLAN PERLAKSANAAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) MS ISO 37001:2016 *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS* (ABMS)

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

AKTIVITI	BULAN	1				2			
	MINGGU	1	2	3	4	5	6	7	8
1. Pelaksanaan Audit dokumentasi ISO 37001:2016 <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) dan <i>Corruption Risk Management</i> (CRM)									
2. Pelaksanaan audit dalaman, menyediakan nota audit dan menghasilkan serta membentangkan laporan audit dalaman.									
3. Perlaksanaan tindakan pembetulan audit dalaman, <i>Management review</i> .									
4. Pengauditan badan pensijilan dan pelaksanaan tindakan pembetulan untuk <i>Non-Conformance</i> (NC).									

LAMPIRAN A2: TUNTUTAN KOS IMBUHAN BALIK YANG DIBENARKAN

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A2

TUNTUTAN KOS IMBUHAN BALIK YANG DIBENARKAN

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
A	KOS PENGANGKUTAN/ PERJALANAN	
A1	Tiket Penerbangan Tempatan	1. Jumlah penerbangan hendaklah dihadkan kepada bilangan yang perlu sahaja, mengikut tugas khusus setiap juruaudit. Bagi tujuan ini, Jadual Tugas Audit (<i>audit schedule</i>) yang disediakan oleh juruaudit bolehlah dijadikan panduan bagi penetapan had jumlah penerbangan. 2. Penerbangan hendaklah dihadkan kepada kelas ekonomi sahaja. Penerbangan hendaklah menggunakan jalan paling dekat (the most direct route) dan tambang termurah dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan tempatan yang telah diluluskan oleh LPB dari semasa ke semasa. 3. Bayaran adalah bagi penerbangan pergi balik (local flights) mengikut kadar tambang sebenar yang dikenakan oleh syarikat penerbangan berkenaan. Sekiranya terdapat diskaun pada harga pembelian (promosi dan sebagainya), harga diskaun tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan pembayaran.
A2	Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan	1. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan para A1 boleh dibenarkan termasuk perbelanjaan tambang teksi dari rumah ke lapangan terbang (<i>vice-versa</i>), bayaran visa, permit perjalanan, tol, parkir dan lain-lain. 2. Kadar bayaran hendaklah mengikut kadar sebenar (<i>bill</i>) bagi setiap butiran.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A2

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
A3	Tuntutan Perjalanan Kenderaan (<i>Mileage Claims</i>)	1. Juruaudit dibenarkan menggunakan kenderaan sendiri dan membuat tuntutan perjalanan bagi tugas-tugas audit. Kemudahan ini perlu dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja, manakala bagi perjalanan jarak jauh juruaudit, digalakkan menggunakan kemudahan pengangkutan awam yang mana lebih menjimatkan. 2. Juruaudit yang telah disediakan kemudahan kenderaan atau menyewa kenderaan, tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan perjalanan kenderaan. 3. Tuntutan <i>mileage</i> perjalanan hendaklah tertakluk kepada kadar sebagaimana ditetapkan dalam peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. 4. Juruaudit yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya melebihi 210 km daripada Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut tambang gantian mengikut kadar tambang pengangkutan yang sesuai dengan kelayakannya, iaitu Tambang Gantian tersebut hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api, mengikut mana yang berkenaan dengan syarat dinyatakan di dalam baucar tuntutan yang ia telah menggunakan kenderaannya sendiri. Kadar tambang gantian akan ditentukan oleh LPB; dan

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A2

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
		5. Juruaudit yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/ stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/ stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (<i>berth charges</i>).
A4	Tambang Teksi	1. Juruaudit dibenarkan menuntut tambang teksi mengikut keperluan pelaksanaan audit. 2. Walau bagaimanapun, LPB akan menyemak sama ada tuntutan juruaudit ini tidak bertindih dengan tuntutan perjalanan kenderaan seperti di perkara A3. Sekiranya tuntutan juruaudit bertindih dengan perkara A3, maka tuntutan melalui perkara A4 ini akan digunapakai berdasarkan kadar dan bil sebenar. 3. Anggaran tuntutan tambang teksi hendaklah tidak melebihi RM1,000 sebulan.
A5	Sewa Kenderaan	1. Sewaan kenderaan hanya dibenarkan sekiranya terdapat keperluan khusus mengikut kesesuaian pelaksanaan audit dan mendapat persetujuan LPB terlebih dahulu. 2. Jenis kenderaan adalah meliputi kereta, van, pacuan empat roda, bot, helikopter dan sebagainya mengikut kesesuaian dan keperluan pelaksanaan audit.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A2

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN												
		3. Bagi tujuan anggaran, kadar berikut (termasuk elaun pemandu, bahan api, penyelenggaraan dan sebagainya) hendaklah berdasarkan kadar maksimum berikut: <table><tr><td>Kereta</td><td>RM1,800 – RM3,500 sebulan</td></tr><tr><td>Pacuan 4 roda</td><td>RM3,500 – RM6,000 sebulan</td></tr><tr><td>Van</td><td>Kadar sebenar</td></tr></table> 4. Sewaan kenderaan boleh meliputi elaun pemandu, kos bahan api, kos penyelenggaraan dan sebagainya bergantung kepada rundingan yang diadakan, sebut harga bolehlah diminta untuk menentukan kos sewaan sebenar.	Kereta	RM1,800 – RM3,500 sebulan	Pacuan 4 roda	RM3,500 – RM6,000 sebulan	Van	Kadar sebenar						
Kereta	RM1,800 – RM3,500 sebulan													
Pacuan 4 roda	RM3,500 – RM6,000 sebulan													
Van	Kadar sebenar													
B	ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP													
B1	Bayaran Sewa Hotel, Lojing & Elaun Makan	1. Bagi juruaudit yang menjalankan tugas rasmi di luar kawasan yang (melebihi 25 km dari ibu pejabat firma) dan perlu menginap layak menuntut bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit atau elaun lojing mengikut kadar-kadar seperti dalam jadual di bawah: Kadar Sabah/ Sarawak/ W.P Labuan <table><tr><td></td><td>Ikhtisas (Degree Holder)</td><td>Separa Ikhtisas (Diploma Holder)</td></tr><tr><td>Hotel</td><td>270</td><td>210</td></tr><tr><td>Lojing</td><td>80</td><td>60</td></tr><tr><td>Elaun makan</td><td>80</td><td>60</td></tr></table>		Ikhtisas (Degree Holder)	Separa Ikhtisas (Diploma Holder)	Hotel	270	210	Lojing	80	60	Elaun makan	80	60
	Ikhtisas (Degree Holder)	Separa Ikhtisas (Diploma Holder)												
Hotel	270	210												
Lojing	80	60												
Elaun makan	80	60												

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A2

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
		2. Kadar sewa hotel di atas adalah merupakan kadar maksimum yang dibenarkan. Bayaran kepada juruaudit hendaklah mengikut kadar sebenar yang dikenakan oleh pihak hotel, tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan. Sebagai tambahan kepada kadar berkenaan, juruaudit juga layak menuntut apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan sewaan hotel tersebut. 3. Bagi juruaudit yang menjalankan tugas di luar pejabat bagi tempoh yang melebihi 8 jam tetapi tidak mencapai tempoh 24 jam, mereka boleh dibayar elaun harian dengan kadar separuh daripada kelayakan elaun makan mereka. 4. LPB akan menasihati juruaudit agar mendapatkan kadar promosi/ <i>internet rate</i> bagi penginapan hotel.
C	Kos Perhubungan	1. Termasuk perbelanjaan telefon, faks, emel dan perkhidmatan penghantaran (pos, kurier dsb). Kos yang dibenarkan hendaklah mengambil kira faktor- faktor seperti tempoh pelaksanaan audit, kompleksiti pelaksanaan audit dan keperluan perhubungan dalam negeri. 2. Kadar bayaran hendaklah berdasarkan bil sebenar setiap butiran berkaitan. Jumlah keseluruhan bagi kos perhubungan tertakluk kepada had bayaran maksimum sebanyak RM 1,500 sebulan.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)

LAMPIRAN A2

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN
D	Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan	1. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan dan lain-lain berkaitan. 2. Kos dokumentasi boleh juga ditentukan mengikut harga dokumen yang digunakan atau aktiviti yang terlibat seperti fotostat, lukisan, penjilidan dan lain- lain. Kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar daripada syarikat percetakan atau pembekal di mana berkenaan. 3. Bagi dokumen yang memerlukan ciri khusus dari segi jenis (<i>hardcopy/softcopy</i>), warna, saiz dan bilangan, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan LPB. 4. Bagi dokumen yang disiapkan sendiri oleh juruaudit, kadar boleh ditetapkan mengikut kadar pasaran semasa. Harga pasaran semasa telah pun mengambil kira keperluan percetakan seperti kertas, toner, binding dan sebagainya.

LAMPIRAN B: BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)



BORANG SEBUTHARGA

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebutharga

LPB/600/Q07/2025

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI SARAWAK

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN/KERJA

Kepada (Nama Syarikat)

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
Tingkat 8, 9 & 10 Menara Kidurong
KM 12, Jin Tanjung Kidurong
Peti Surat 296
97007 Bintulu
Sarawak
Malaysia

No. Telefon :
No. Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan :
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini:
Kepala : 22
Sub Kepala : 2704

No. Telefon : 086-253888
Tarikh : 14 Mei 2025

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan/kerja yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

- 1.1 Syarat Penyerahan/ Penyempumaan : Rujuk Lampiran
- 1.2 Tarikh Penyerahan/ Penyempumaan dikehendaki : Rujuk Lampiran
- 1.3 Arahan pengiriman : Rujuk Lampiran
- 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda : No. Sebutharga
LPB/600/Q07/2025
- 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada
Jam 12.00 tengahari 4 Jun 2025
- 1.6 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan
Nama Pegawai
Jawatan
Tarikh

Kapt Hj. Zakhrin Khan Bin Yusop
Penolong Pengurus Besar (Operasi)
14 Mei 2025



2. Jadual Sebutharga:-

Bil	Perihal barang-barang/ perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas (Spesifikasi)	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	Rujuk Lampiran "Bill Of Quantities"				
	* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan				
				Jumlah	

2.1. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

2.2. Tarikh penyerahan/penyempumaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan/kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebutharga

Nama dan K/P

Alamat Syarikat

Tarikh

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG-BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PENYETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**

- (iii) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (iv) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkinan kontrak.

9. **PENGIKLAMAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut

LAMPIRAN C: RINGKASAN TAWARAN HARGA / BILL OF QUANTITY

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE
AUDIT) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT
SYSTEM (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM DAN CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

LAMPIRAN C

BORANG SEBUT HARGA

BIL.	BUTIRAN	HARGA (RM)	KUANTITI (TAHUN)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
A	Yuran perkhidmatan Pelaksanaan audit dalaman, menyediakan nota audit dan menghasilkan laporan audit dalaman serta kerja berkaitan		1	
B	Kos imbuhan balik: (a) Pengauditan di Bintulu; Nota: Kos imbuhan balik ini hendaklah merangkumi: (i) Tiket penerbangan tempatan; (ii) Lain-lain perbelanjaan berkaitan dengan perjalanan; (iii) Tuntutan perjalanan kenderaan (<i>mileage claims</i>); (iv) Tambang teksi; (v) Sewa kenderaan; (vi) Bayaran sewa hotel; (vii) Elaun makan; (viii) Kos perhubungan; dan (ix) Kos dokumentasi dan penyediaan laporan. Siling kos imbuhan balik hendaklah tidak melebihi kadar seperti di Lampiran A2. (Sekiranya terdapat kos selain daripada yang tersebut di atas, sila lampirkan dalam lampiran yang berasingan)		1	
TEMPOH PENYERAHAN HENDAKLAH WAJIB DIISI DI RUANGAN SEPerti BERIKUT:		JUMLAH		
Tempoh Audit Dijalankan: (*hari / minggu / bulan)		SST (8%) sekiranya ada		
*potong mana yang tidak berkenaan. Sila lampirkan Jadual Pelaksanaan Audit.		JUMLAH KESELURUHAN		

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (*SURVEILLANCE
AUDIT*) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT
SYSTEM* (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN *ANTI-BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM* DAN *CORRUPTION RISK MANAGEMENT* (CRM)**

LAMPIRAN C

MAKLUMAT SYARIKAT			
Nama Syarikat	:		
Alamat Syarikat	:		
			
No. Telefon	:	No. Faks	:
			
<i>Person-in-charge</i>	:	No. Pendaftaran	:
		SST (Sekiranya ada)	
			:
		Cop Rasmi Syarikat	
MAKLUMAT PERBANKAN			
Nama Bank	:	Cawangan Bank	:
			
Nama Akaun Bank	:	Nombor Akaun Bank	:
			
Alamat e-mel bahagian penerimaan bayaran	:		

LAMPIRAN D: PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

LAMPIRAN D

PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH KEPADA SYARIKAT/ KONTRAKTOR/ FIRMA PERUNDING/ PENJAWAT AWAM ATAU MANA-MANA PIHAK YANG BERKAITAN

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak yang terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
4. Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan yang diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

LAMPIRAN E: KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

1. **Nama Syarikat** :
2. **Alamat Syarikat** :
.....
.....
3. **Alamat Premis Perniagaan (Jika berlainan dengan alamat syarikat) :**
.....
.....
4. **Nombor Telefon** :
5. **Nombor Faksimili** :
6. **Alamat E-mel** :
7. **Tarikh Syarikat** :
Ditubuhkan
8. **Jenis Perniagaan** :
9. **Lembaga** :
Pengarah

Bil.	Nama	No. K/P	Warganegara
(i)			
(ii)			
(iii)			
(iv)			
(v)			
(vi)			
(vii)			

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

10. **Nama Bank** :
11. **Alamat Bank** :
.....
12. **Modal Berbayar** :
13. **Modal Yang Dibenarkan** :
14. **Kemudahan/ Nilai Overdraft** :
15. **Komposisi Modal** :

Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

		Bilangan Pemegang Saham	Jumlah Unit Saham	%
(a)	Bumiputera			
(b)	Bukan Bumiputera			

16. **Komposisi Kakitangan** :

		Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
(a)	Eksekutif			
(b)	Teknikal			
(c)	Perkeranian			
(d)	Buruh/ Kakitangan Rendah			

17. **Taraf Syarikat (sila tanda (x) di petak yang berkenaan)**

- (a) Bumiputera ☐ Bukan Bumiputera ☐
- (b) Syarikat Tempatan ☐ Luar Negeri ☐

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

18. **Sebutharga Dengan Kerajaan/ Lembaga Pelabuhan Bintulu Yang Telah Tamat Tempohnya :**

Jika penyebutharga pernah mengikut kontrak dengan Kerajaan Malaysia atau Lembaga Pelabuhan Bintulu pada masa lalu, sila berikan butir-butir kontrak berkenaan dalam Borang Pengalaman Syarikat di **Lampiran H**.

19. **Sebutharga Dengan Kerajaan atau Lembaga Pelabuhan Bintulu Yang Pernah Ditamatkan Atau Digantung :**

Jika penyebutharga pernah mengikut kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan atau Lembaga Pelabuhan Bintulu tetapi sebutharga itu telah ditamatkan atau digantung kerana pelanggaran syarat-syarat sebutharga, sila berikan butir-butir mengenai sebutharga berkenaan :

.....

20. **Lain-Lain Keterangan Mengenai Sebutharga :**

.....

Saya mengaku bahawa segala keterangan di dalam adalah benar :

Tandatangan :
Penyebutharga

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

LAMPIRAN F: SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA

LPB/600/Q07/2025– SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE AUDIT) BAGI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) SERTA SEMAKAN KE ATAS DOKUMEN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM DAN CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

Saya,..... No. Kad Pengenalan yang.....
Mewakili..... nombor Pendaftaran.....
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i) tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii) tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Pelabuan Labuan atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan

segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	_____
Nama	:	_____
No.KP	:	_____
Tarikh	:	_____
Cap Syarikat	:	_____

Catatan:

- i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksan [Akta 574].
- ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

LAMPIRAN G: SURAT PERWAKILAN KUASA

SURAT PERWAKILAN KUASA

Pengurus Besar
 Lembaga Pelabuhan Bintulu
 KM12, Jalan Tanjung Kidurong
 Tingkat 9, Seksyen Kewangan
 97000 Bintulu
 Sarawak
(U/P : Urusetia Perolehan)

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya, No. K/P..... selaku pemilik syarikat akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan **Sebut harga LPB/600/Q07/2025–Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Audit Pengawasan (Surveillance Audit) Bagi Pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS) Serta Semakan Ke Atas Dokumen Anti-Bribery Management System Dan Corruption Risk Management (CRM) atau** *mewakulkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

- a) Nama :
- b) Alamat :
- c) Jawatan :
- d) No.K/P :
- e) No. :
Telefon :
- f) No. Faks :
- g) Alamat :
Emel :

*Nota : *Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.*

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman / rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
 Nama Pemilik Syarikat :
 Jawatan :
 Cop Syarikat :

LAMPIRAN H: PENGALAMAN SYARIKAT

BORANG PENGALAMAN SYARIKAT**1. Tender dan Sebut harga berkaitan :**

Nyatakan **tender dan sebut harga berkaitan** yang telah disiapkan atau dalam pelaksanaan (sekurang-kurangnya 3 tahun). Format adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Tarikh Mula & Tamat	Tempoh Projek	Nilai (RM)	Kod Bidang	Nama Pelanggan & Contact Person

Nota: Sila tambah helaian baru jika ruang tidak mencukupi.

LAMPIRAN I: FORMAT BON PELAKSANAAN

CONTOH BON PELAKSANAAN**JAMINAN BANK / JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/ PERKHIDMATAN)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. / yang dibuat antara Lembaga Pelabuhan Bintulu. (Kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'Lembaga') dan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/ menyerah/ melaksana/ menyiap (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan kontraktor, mengaku janji yang tidak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Lembaga ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Lembaga seperti berikut:-

1. Apabila Lembaga membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Lembaga nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira samada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia.....(nyatakan nilai jaminan dalam perkataan (RM.....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Lembaga di bawah Jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Lembaga berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia :(nyatakan nilai dalam perkataan) (RM.....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Lembaga jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan samada dengan atau tanpa Persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh kontraktor atau oleh sebarang penangguhan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dan berkuatkuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal" (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) apabila diminta oleh Lembaga dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregate maksimum yang Lembaga berhak di bawah Jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM).
5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Jaminan ini hendaklah luput apabila Jaminan ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Lembaga telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.
6. **SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK / SYARIKAT KEWANGAN / SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAHLAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT MINGGU DARIPADA TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.**

Ditandatangani untuk dan bagi pihak]
Penjamin di hadapan] Nama :
] Jawatan :
] Cop Bank/SyarikatKewangan / Syarikat Insurans:

.....
(Saksi)

Nama :
Jawatan :
Cop Bank/SyarikatKewangan/Syarikat Insurans

**LAMPIRAN I –
SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA**

**LAMPIRAN II –
SALINAN SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BUMIPUTERA YANG DIKELUARKAN
OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (JIKA ADA)**

**LAMPIRAN III –
SALINAN AKAUN SYARIKAT YANG TELAH DISAHKAN DAN DIAUDIT OLEH
JURUAUDIT YANG BERTAULIAH BAGI DUA (2) TAHUN KEWANGAN YANG**

**LAMPIRAN IV –
PENYATA BANK/ SALINAN PENYATA BANK YANG DISAHKAN BAGI TIGA (3) BULAN
TERKINI BERTURUT-TURUT**

LAMPIRAN V-
SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM) ATAU PERNIAGAAN (ROB),
YANG MANA BERKENAAN

LAMPIRAN VI –
SALINAN SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(*OPTIONAL*)

**LAMPIRAN VII –
SALINAN LESEN UNTUK MENJALANKAN AGENSI PERSENDIRIAN (*OPTIONAL*)**

**LAMPIRAN VIII–
SATU (1) SET PROFIL SYARIKAT**